

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
[PENDANG]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 21

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bagaimana konsep 'Kemakmuran Bersama' khusus dalam penstrukturan semula ekonomi negara akan dapat membantu mewujudkan peluang pekerjaan baharu, mengatasi masalah kemiskinan serta merapatkan jurang pendapatan terutama di kalangan anak muda dan golongan yang tinggal di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) merupakan hala tuju baharu pembangunan negara bagi tempoh 10 tahun mulai tahun 2021 hingga 2030.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya, walaupun pertumbuhan ekonomi negara menunjukkan prestasi yang menggalakkan, namun ianya masih belum digembleng sepenuhnya bagi mencapai potensi yang optimum. Selain itu, terdapat pelbagai isu struktur yang perlu ditangani, antaranya sumber pertumbuhan yang masih bergantung kepada faktor pengeluaran tradisional seperti modal serta buruh dan bukannya peningkatan produktiviti.

NO. SOALAN : 21

3. Pelaburan berkualiti tinggi akan diberi keutamaan bagi mewujudkan lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi. Pekerjaan berkemahiran tinggi akan memastikan pekerja mendapat upah yang tinggi. Dalam hal ini, Kerajaan akan mengkaji semula Akta Penggalakan Pelaburan 1986 bagi menarik lebih banyak pelaburan berkualiti tinggi. Kerajaan juga selektif dalam menarik pelaburan dengan keutamaan kepada aktiviti berintensifkan pengetahuan dan inovasi seperti mempersiapkan modal insan negara untuk berhadapan dengan Revolusi Industri 4.0.

4. Di samping itu, bagi merapatkan jurang pendapatan rakyat, beberapa inisiatif di bawah telah diambil seperti berikut:

- i. Mengkaji Semula Dasar Gaji Minimum
- ii. Membangunkan Indeks Gaji Kebangsaan
- iii. Memperluas Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti (PLWS)

5. Isu produktiviti berkait rapat dengan tahap kemahiran pekerja. Pada masa ini, industri masih didominasi oleh pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah yang merangkumi sebanyak 72.8 peratus daripada keseluruhan tenaga kerja. Bagi menangani masalah ini, Kerajaan akan membuat pengalakkan dalam TVET.

6. Berdasarkan Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2017, gaji pekerja Malaysia adalah lebih rendah dan tidak setimpal berbanding dengan produktiviti buruh. Bahagian pampasan pekerja kepada KDNK Malaysia masih rendah iaitu 35.7% pada tahun 2018 berbanding negara maju seperti Jerman sebanyak 51.5%, United Kingdom 49.4% dan Korea Selatan 45.7%.

7. Oleh yang demikian, objektif pertama WKB adalah untuk menstruktur semula ekonomi ke arah yang lebih progresif, berpaksikan

ilmu dan bernilai tinggi. Penekanan akan diberikan kepada peningkatan produktiviti sebagai salah satu pemacu pertumbuhan ekonomi.

8. Selain daripada isu struktur, masih wujud jurang ekonomi yang ketara di setiap peringkat kumpulan pendapatan, wilayah, etnik, dan rantai bekalan. Objektif kedua WKB akan menumpukan kepada usaha untuk merapatkan jurang tersebut. Jurang pendapatan yang ketara di antara kelas pendapatan berlaku berikutan pendapatan kumpulan isi rumah B40 lebih bergantung kepada penggajian dan kumpulan ini juga kurang memiliki aset yang boleh menjana pendapatan lain. Kerajaan yakin tumpuan kepada aktiviti ekonomi bernilai tinggi dan pewujudan pekerjaan berpendapatan tinggi akan menyumbang kepada usaha untuk merapatkan jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan.

9. Di samping itu, Teras Strategik 5 WKB, Kesejahteraan Sosial, memberi penekanan kepada kebajikan semua kelompok masyarakat terutamanya golongan rentan ekonomi dan kumpulan isi rumah B40.

10. Kerajaan sedar bahawa jurang pengagihan ekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar semakin melebar. Dalam Teras Strategik Kedua, terdapat 15 cadangan Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA). Antaranya ialah tumpuan kepada Pertanian Pintar dan penekanan kepada Komoditi Malaysia 2.0.

11. Selain itu, penekanan kepada Komoditi Malaysia 2.0 membolehkan tumpuan diberikan kepada penghasilan produk hiliran daripada komoditi, seperti sawit dan getah, supaya dapat menjana nilai ditambah dan pulangan yang lebih tinggi. Dalam Teras Strategik keenam WKB pula, iaitu Keterangkuman Wilayah, pemetaan titik tumpuan ekonomi atau *economic hot spots*, akan dilaksanakan.

12. Kerajaan yakin semua inisiatif di dalam WKB ini akan menyediakan peluang kepada anak muda dan golongan luar bandar berdasarkan prinsip *equitability of outcomes*. Ini bermakna semua bentuk bantuan dan peluang akan disediakan oleh kerajaan untuk direbut oleh golongan ini selaras dengan matlamat dasar yang baik, memerlukan sambutan oleh rakyat. Sekian, terima kasih.